



ENAM kontraktor termasuk pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Khas Rasuah Tawau atas kesalahan menggunakan dokumen palsu untuk mendapatkan tender menyewa dan mengurus kantin sekolah rendah di Semporna lima tahun lalu.

PALSU DOKUMEN UNTUK TENDER

Enam kontraktor mengaku tidak bersalah mohon dibicarakan

Oleh Abdul Rahemang
Taiming
am@hmetro.com.my

Tawau

Pasangan suami isteri antara enam didakwa di Mahkamah Khas Rasuah di sini, semalam atas pertuduhan memalsukan dokumen untuk mendapatkan tender menyewa dan menguruskan kantin sekolah rendah, lima tahun lalu.

Tertuduh Masri Nulhadi, 45 dan isterinya, Asmah Moong, 42, Darwin Mohd Kernal, 32, Mohd Nasir Mohammad, 34, Abdul Jalil Mohd Hassan, 52, dan Mohd Hafiz Irawan, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon dibi-

RM10k
Jumlah ikat jamin dikenakan kepada setiap tertuduh

RM5k
Jumlah deposit perlu dibayar oleh setiap tertuduh kecuali Masri dan Asmah

carakan sebaik pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mereka didakwa menggunakan dokumen palsu sebagai tullen untuk mendapatkan tender berkenaan bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2019 di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna antara 24 Oktober dan 1 November 2017.

Semua tertuduh ma-

sing-masing berdepan tiga pertuduhan kecuali Mohd Hafiz, yang didakwa dengan empat pertuduhan.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 468 yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, hakim membenarkan semua tertuduh masing-masing diikat

jamin RM10,000 dengan seorang penjamin tempatan namun perlu membayar deposit RM5,000 kecuali Masri dan isterinya Asmah yang diperintahkan membayar deposit RM4,000.

Tertuduh juga dikenakan syarat tambahan iaitu perlu melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Tawau setiap dua bulan serta dilarang menganggu saksi.

Mahkamah turut menetapkan 1 dan 2 Disember hadapan untuk serahan dokumen dan sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Rekhraj Singh, manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.